



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)**

## Tiga individu dan syarikat didenda, miliki ribuan barang palsu

**IPOH:** Tiga individu dan sebuah syarikat didenda RM791,775 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas didapati bersalah atas empat pertuduhan memiliki ribuan kasut dan selipar pelbagai jenama yang menggunakan cap dagangan palsu, tiga tahun lalu.

Hakim Norashima Khalid memutuskan demikian terhadap Yap Yin Keat, 50; Yap Kian Seng, 60; Sun Haixia, 40, dan Syarikat Enghenda Sdn. Bhd. setelah mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Dalam keputusannya, Norashima mendenda pengurus syarikat, Yin Keat dan dua pengarah, Kian Seng serta Sun Haixia masing-masing RM175,950 manakala syarikat itu pula didenda RM263,925.

Mahkamah turut memerintahkan setiap individu yang didakwa sebagai orang kena saman (OKS) dipenjarakan 24 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk menangguhkan pembayaran denda sehingga proses rayuan di Mahkamah Tinggi selesai, namun menaikkan jumlah jaminan daripada RM10,000 kepada RM50,000 bagi setiap OKS.

Mengikut pertuduhan, kesemua OKS didakwa menggunakan jenama Puma, Nike, Gucci dan Levi's palsu bagi 17,595 unit kasut dan selipar.

Bagi Syarikat Enghenda pula, pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 8(2)(A) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM15,000 bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu.

## Tiga individu, syarikat didenda RM791,775 milik kasut jenama palsu

**IPOH** – Tiga individu dan sebuah syarikat didenda RM791,775 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas didapati bersalah atas empat pertuduhan memiliki ribuan kasut dan selipar pelbagai jenama yang menggunakan cap dagangan palsu tiga tahun lalu.

Hakim Norashima Khalid memutuskan demikian terhadap Yap Yin Keat, 50; Yap Kian Seng, 60; Sun Haixia, 40, dan Syarikat Enghenda Sdn. Bhd. setelah pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Dalam keputusannya, Norashima mendenda pengurus syarikat, Yin Keat dan dua pengarah, Kian Seng dan Sun Haixia masing-masing RM175,950, manakala syarikat itu didenda RM263,925.

Mahkamah turut memerintahkan setiap individu yang didakwa sebagai orang kena saman (OKS) dipenjarakan 24 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk menangguhkan pembayaran denda sehingga proses rayuan di



**DUA daripada tiga individu yang dikenakan denda RM791,775 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh semalam.**

Mahkamah Tinggi selesai, namun menaikkan jumlah jaminan daripada RM10,000 kepada RM50,000 bagi setiap OKS.

Mengikut pertuduhan, kesemua OKS didakwa telah menggunakan jenama Puma, Nike, Gucci dan Levi's yang palsu bagi 17,595 unit kasut dan selipar.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis nombor 5 dan 7, Hala Perusahaan Kledang Utara

2, Kawasan Perindustrian Menglembu, Kinta pada pukul 11.30 pagi, 18 Disember 2019.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP), Muhammad Ridzuan Abd. Rahim, manakala kesemua OKS diwakili peguam, Mohd. Asri Osman dan Mohd. Fitri Asmuni.



**KETUA** Setiausaha KPDNHEP, Datuk Azman Mohd. Yusof (tiga dari kanan) bersama Azman (tiga dari kiri) di Langkawi semalam.

## Kompaun RM511,800 kesalahan timbang, sukat

**LANGKAWI** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun RM511,800 bagi kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 sepanjang tahun ini hingga bulan lalu.

Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam berkata, sebanyak 1,943 kertas siasatan dibuka selain menyita barangan bernilai RM11,410 sepanjang tempoh sama.

"Antara kesalahan biasa dikesan oleh pegawai semasa menjalankan tugas ialah penggunaan alat timbang yang telah

luput tempoh yang mana ia adalah kesalahan serius.

"Kedua adalah mereka menggunakan alat timbang yang tidak tepat dan kesalahan ketiga yang besar kesannya kepada orang ramai dan industri ialah mereka mengubah suai alat-alat tersebut untuk kepentingan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perasmian ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality Working Group on Legal Metrology (ACCSQ-WGLM) di sini semalam.



# Denda RM791,775 niaga kasut tiruan

Pengurus dan dua pengarah syarikat dagang lebih 17,000 pasang kasut, selipar tiruan

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
IPOH

Seorang pengurus dan dua pengarah bersama syarikat didenda RM791,775 oleh Mahkamah Sesyen di sini kerana memperdagangkan 17,595 pasang kasut serta selipar jenama tiruan.

Hakim Norashima Khalid membuat keputusan itu selepas mendapati tertuduh, Yap Kian Seng, 60; Yap Yin Keat, 50; Sun Haixia, 40, dan syarikat Enghenda Sdn Bhd bersalah.

Mengikut pertuduhan, kesemua mereka didakwa secara bersama atas empat pertuduhan kerana berada dalam kawalan untuk pembekalan barangan dengan perihal dagangan palsu iaitu 17,595 pasang selipar dan kasut jenama terkenal iaitu Nike, Puma, Gucci serta Levi's.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis tanpa nama kira-kira jam 11.30 pagi di Kawasan Perindustrian Menglembu di sini pada 18 Disember 2019.

Ketiga-tiga tertuduh didakwa di bawah Seksyen 8 (2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 8 (2)(B) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 bagi setiap barang perihal dagangan palsu atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi syarikat Enghenda Sdn Bhd pula, mereka didakwa di



Yin Keat (kanan) dan Kian Seng di bawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh selepas hakim memutuskan mereka bersalah melibatkan 17,595 pasang kasut serta selipar jenama tiruan pada Rabu.

bawah Seksyen 8 (2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 8 (2)(A) akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM15,000 untuk setiap barangan yang diletakkan perihal

dagangan palsu jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudiannya menetapkan denda RM10 bagi setiap pasang selipar dan kasut dengan jumlah keseluruhan denda untuk setiap tertuduh berjum-

lah RM175,950 atau penjara dua tahun jika gagal membayar denda.

Selain itu, mahkamah turut menetapkan hukuman denda RM15 bagi setiap pasang kasut untuk syarikat berkenaan dengan nilai keseluruhan hukuman denda berjumlah RM263,925.

Mahkamah membenarkan permohonan peguam untuk menangguhkan hukuman denda sehingga proses rayuan di Mahkamah Tinggi selesai.

Bagaimanapun, jumlah ikat jamin bagi kesemua tertuduh dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM50,000 untuk setiap seorang.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Muhammad Ridzuan Abd Rahim.

Sementara itu, kesemua tertuduh diwakili oleh peguam Mohd Asri Osman dan Mohd Fitri Asmuni.



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.

# Dagang kasut jenama tiruan

## Dua pengarah, seorang pengurus didapati bersalah masing-masing didenda RM175,950

Oleh Balqis Jazimah Zahari  
am@hmetro.com.my

### Ipoh

**D**ua pengarah dan seorang pengurus masing-masing didenda RM175,950 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam selepas didapati bersalah atas empat pertuduhan memiliki dan memperdagangkan 17,595 kasut pelbagai jenama terkenal palsu tiga tahun lalu.

Hukuman dijatuhkan terhadap Pengarah syarikat Enghenda Sdn Bhd, Yap Kian Seng, 60, dan Sun Haixia, 40, serta pengurusnya, Yap Yin Keat, 50.

Hakim Norashima Khalid memutuskan demikian selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa.

Selain itu, Mahkamah turut menetapkan masing-masing tertuduh dikenakan hukuman penjara selama dua tahun bagi keempat-empat pertuduhan jika gagal membayar denda terbabit.

Mengikut kertas pertuduhan, ketiga-tiga tertuduh didapati memiliki 2,290 unit selipar jenama Puma, 12,011 unit kasut dan selipar jenama Nike, 2,844 unit kasut jenama Gucci dan 450 unit selipar Levi's yang berkaitan dengan perihal dagangan palsu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan berkenaan di No 5 dan 7, Hala Perusahaan Kledang Utara 2, Kawasan Perindustrian Menglembu di sini, kira-kira jam 11.30 pagi, 18 Disember 2019.

Kesemua tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8 (2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011


dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 8 (2) (B) Akta yang sama.

Bagi kesalahan itu, ia memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 bagi setiap barang diletakkan perihal dagangan palsu atau dipenjarakan selama tempoh maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, syarikat berkenaan turut dikenakan hukuman denda sebanyak RM263,925 atas empat pertuduhan yang sama.

Bagi kesalahan itu, syarikat terbabit didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8 (2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 8 (2) (A) akta yang sama.



 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam	<b>RM7.49</b>	• Telur Gred A	<b>RM13.05</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>	• Cili Merah	<b>RM10.99</b>
	• Daging Lembu Tempatan	<b>RM138</b>	• Ikan Kembung	<b>RM9.99</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM3.50</b>	• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM3.90</b>
	• Daging Lembu Import	<b>RM50.90</b>	• Minyak Masak	<b>RM7.34</b>	• Bawang Putih	<b>RM5</b>	• Tepung Gandum	<b>RM2.60</b>
								<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>